

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kes HFMD di Kedah menurun

Alor Setar: Kedah terus mencatatkan penurunan jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) selepas 531 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-24 yang bermula 12 hingga 18 Jun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman berkata, berlaku penurunan 171 kes pada Minggu Epidemiologi ke-24 berbanding 702 kes yang dicatat pada

minggu sebelumnya.

"Setakat ini Kedah mencatatkan keseluruhan 5,425 kes HFMD dan terdapat satu wabak baharu dilaporkan membabitkan taska yang sudah diarah tutup mengi-

kut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Semua kes yang dilaporkan menunjukkan gejala ringan dan diberikan rawatan pesakit luar dengan tiada kes mengalami komplikasi teruk atau memerlukan rawatan inten-

sif," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Mohd Hayati berkata, Kuala Muda masih mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 1,337 kes diikuti Kulim (806), Kubang Pasu (797) dan Kota Setar (537).

Katanya, sepanjang tahun ini juga, sebanyak 51 wabak HFMD dilaporkan berlaku di Kedah, dengan 50 daripadanya berlaku di pusat pendidikan seperti taska, tadika dan prasekolah.

"Sebanyak 49 premis berkaitan diarah tutup sementara atau ditutup secara sukarela bagi tujuan sanitasi dan pencegahan jangkitan.

"Pengusaha dan pengurusan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak digesa melakukan pemeriksaan dan proses nyah kuman dengan kerap bagi mengekang penularan," katanya.



DR Mohd Hayati

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

1,781 notis kesalahan larangan merokok

Kuala Terengganu: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu mengeluarkan 1,781 notis kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dengan nilai tawaran kompaun RM440,200 sejak Januari lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, ia peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu 943 notis kesalahan dengan nilai tawaran kompaun RM243,550.

Beliau berkata, peningkatan itu susulan kekerapan aktiviti penguatkuasaan pada tahun ini memandangkan kedai makan dan

restoran sudah beroperasi selepas negara memasuki peralihan ke fasa endemik.

"Berbanding tahun lepas, operasi kedai makan dan restoran agak terhad. Kita terima banyak aduan orang awam mengenai individu yang tidak hirau larangan merokok di kedai makan.

"Kesalahan dikesan hasil aktiviti penguatkuasaan terhadap 27,715 premis kawasan larangan merokok di seluruh Terengganu yang dijalankan, setakat ini. Kita akan terus memperhebatkan penguatkuasaan untuk melindungi golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap dan wap produk rokok," katanya.

**“
Berbanding tahun
lepas, operasi
kedai makan dan
restoran agak
terhad.**

Dr Kasemani



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

Kluster ILI dikesan di SBP daerah Gombak

226 pelajar mempunyai gejala jangkitan termasuk enam daripadanya disahkan positif Influenza A

Oleh **ENGKU SHARIFUL AZNI GOMBAK**



DR SHA'ARI

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengesan satu kluster Influenza-Like-Illness (ILI) melibatkan sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di daerah ini.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, kluster tersebut dikesan pada Ahad lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak menerima notifikasi kes pertama dari fasiliti kesihatan swasta mengenai kejadian seorang pelajar yang didapati positif Influenza A.

Menurutnya, kes tersebut mula mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan pada 17 Jun lalu.

"Siasatan mendapati sejumlah 226 pelajar mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak termasuk enam daripadanya disahkan positif Influenza A pada kadar serangan jangkitan 32.7 peratus.

"Sehingga kini, hanya seorang pelajar positif Influenza A dimasukkan ke pusat perubatan

swasta untuk pemerhatian dan berada dalam keadaan stabil manakala yang lain dirawat sebagai pesakit luar.

"Ujian Covid-19 yang dijalankan ke atas sejumlah 69 pelajar bergejala mendapati kesemuanya negatif," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Dr Sha'ari menasihati orang ramai termasuk pentadbir institusi pendidikan dan pusat-pusat jagaan untuk sentiasa mengamalkan langkah kawalan sendiri.

Ujarnya, antara langkah yang disarankan seperti mengamalkan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka di kawasan sesak, menjaga kebersihan diri termasuk kerap mencuci tangan dan membersihkan rumah serta persekitaran terutama permukaan yang kerap disentuh.

"JKNS akan terus memantau situasi dan tren kejadian ILI di Selangor serta bekerjasama dengan pihak yang berkaitan bagi memastikan langkah-langkah kawalan dan pencegahan dijalankan dengan sewajarnya," jelas beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : NEGERI

522 kes baharu HFMD di Kelantan

KOTA BHARU - Trend jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) kembali mencatatkan peningkatan di Kelantan apabila sebanyak 522 kes baharu direkodkan setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, peningkatan itu direkodkan dalam tempoh 10 hari sehingga Sabtu lalu.

"Jika dibandingkan minggu lalu hanya 372 kes sahaja yang direkodkan.

"Kota Bharu merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu 203 sepanjang Minggu Epidemiologi (ME) ke-24," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurutnya, Pasir Puteh menjadi lokasi kedua yang merekodkan kes tertinggi (55 kes) diikuti Pasir Mas (52 kes), Machang (51 kes), Kuala Krai (40 kes), Bachok (42 kes), Tumpat (28 kes), Gua Musang (25 kes), Jeli (15 kes) dan Tanah Merah (14 kes).

Beliau berkata, Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas dan Machang masih kekal berada dalam zon merah.

Katanya, golongan kanak-kanak berusia satu hingga empat tahun menjadi penyumbang terbesar berkait HFMD iaitu sebanyak 68.3 peratus.

Dr Zaini berkata, kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun (14.1 peratus), kanak-kanak tujuh hingga 12 tahun (8.4 peratus), remaja berumur 13 hingga 17 tahun (7.9 peratus) dan golongan 18 tahun ke atas (0.8 peratus).

"Setakat ini hanya seorang kanak-kanak yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) di hospital, manakala

selebihnya mendapat rawatan sebagai pesakit luar dan kuarantin di rumah.

"Ibu bapa, penjaga dan pihak taska atau tadika dinasihatkan terus mengambil langkah menjaga kebersihan bagi mengelakkan penularan jangkitan HFMD," katanya.



DR ZAINI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : KESIHATAN.GAYA



Sindrom Ramsay Hunt penyakit jarang jumpa



PENYANYI Justin Bieber mengejutkan peminat apabila memaklumkan dirinya mengalami Sindrom Ramsay Hunt (RHS) baru-baru ini.

Oleh **HALINA MD. NOOR**
gayatutusan@mediamula.com.my

KEADAAN penyanyi Justin Bieber yang bahagian kiri wajahnya lumpuh, mata tidak boleh berkelip malah tidak dapat tersenyum atau makan seperti biasa, akibat mengalami Sindrom Ramsay Hunt (RHS) mengejutkan dunia. Sekali gus pendedahan penyanyi berusia 28 tahun itu menyebabkan ramai ingin tahu apakah RHS kerana ia sebenarnya jarang diperkatakan berbanding penyakit lain.

RHS sejenis penyakit jarang jumpa malah ramai yang tidak tahu ia berpunca daripada virus sama yang menyebabkan penyakit cacar air atau *chicken pox* yang kembali aktif selepas berkead lamanya.

Pakar Bedah Otorinolaringologi, Kepala dan Leher, Hospital Pakar KPJ Tawakkal KL, Dr. Tengku Ezulia Tengku Nun Ahmad berkata, RHS adalah komplikasi dari jangkitan virus *varicella-zoster* iaitu virus sama yang menyebabkan cacar air pada



**TENGKU EZULIA
TENGKU NUN AHMAD**

kanak-kanak dan kayap (*herpes zoster*) pada orang dewasa.

"Dalam kes sindrom RHS, virus *varicella-zoster* yang tidak aktif sebelum ini, diaktifkan semula dan merebak sehingga menjejaskan saraf muka dan mengakibatkan keradangan pada saraf muka atau ganglion saraf kranial VII. Biasanya pesakit akan mengalami lumpuh separuh muka, sakit telinga dan ruam pada telinga atau mulut.

"Selepas jangkitan cacar air hilang, virus ini masih



Dalam kes sindrom RHS, virus varicella-zoster yang tidak aktif sebelum ini, diaktifkan semula dan merebak sehingga menjejaskan saraf muka dan mengakibatkan keradangan."

kekal terpendam dalam saraf dan boleh diaktifkan semula di kemudian hari, contohnya pada waktu badan mengalami stres atau rendah imuniti. Seterusnya, ia boleh membawa kepada *herpes zoster* iaitu kayap di bahagian badan atau dipanggil sebagai Sindrom Ramsay Hunt apabila melibatkan kelumpuhan muka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

BEBEZA IKUT PESAKIT

Gejala RHS berbeza mengikut kes. Pesakit biasanya mengalami lumpuh saraf muka dan ruam yang menjejaskan telinga. Kedua-dua gejala ini biasanya tidak berlaku serentak malah dalam kebanyakan kes, hanya sebelah muka sahaja terjejas. Otot muka yang mengalami kelumpuhan saraf boleh menyebabkan muka menjadi kaku dan menyukarkan



pesakit senyum, berkerut dahi atau menutup mata pada bahagian yang terjejas. Dalam sesetengah kes, pesakit mungkin tidak dapat bertutur dengan jelas.

"Ramai yang keliru dan mengaitkan gejala ini dengan strok atau *Bell's Palsy* tetapi kedua-duanya berbeza. Strok adalah keadaan kelumpuhan yang disebabkan oleh penyakit yang menjejaskan pembuluh darah arteri yang menuju ke otak atau di dalam otak itu sendiri.

"*Bell's Palsy* tidak ada punca jelas walaupun ia juga menyebabkan kelumpuhan separuh muka. Tetapi peluang sembuh lebih tinggi berbanding RHS," katanya.

Kebanyakan kes RHS mempunyai ruam kemerahan, menyakitkan, melepuh yang menjejaskan bahagian luar telinga dan selalunya sahur telinga luar. Dalam sesetengah kes, ruam, termasuk lepuh yang menyakitkan, juga boleh menjejaskan mulut, lelangit lembut dan bahagian atas tekak.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : KESIHATAN.GAYA

Tak kerap berlaku

TIADA data pesakit RHS di Malaysia berikutan sindrom ini tidak kerap berlaku.

Setiap tahun, dianggarkan hanya lima daripada setiap 100,000 orang mendapat RHS dengan lebih kerap berlaku dalam kalangan individu berusia 60 tahun ke atas dan mempunyai masalah lain seperti stres, rendah imuniti badan, menjalani kemoterapi atau kekurangan zat pemakanan.

Dr. Tengku Ezulia berkata, pesakit mempunyai harapan sembuh sepenuhnya sekiranya mendapat rawatan awal.

"Kira-kira 70 peratus pesakit boleh sembuh sepenuhnya dalam beberapa minggu. Bagaimanapun, pesakit yang mempunyai pelbagai komorbiditi, seperti diabetes, usia tua, tekanan darah tinggi dan lemah imuniti badan, mungkin mengambil masa lebih lama untuk pulih."

"Tempoh rawatan RHS bergantung pada tahap keadaan pesakit dan seberapa cepat mereka menerima rawatan," katanya.

Rawatan biasanya melibatkan ubat antivirus dan kortikosteroid. Manakala rawatan lanjut diberikan untuk simptom khusus bagi setiap pesakit, seperti ubat tahan sakit untuk mengurangkan sakit neuralgik dan ubat penahan

vertigo.

"Pesakit juga perlu mengelakkan kecederaan pada kornea mata. Ini kerana ketidakupayaan untuk menutup mata boleh menyebabkan kornea menjadi kering dan mengalami iritasi benda asing. Sekiranya tidak dirawat dengan betul, ulser kornea dan hilang penglihatan boleh berlaku," katanya.

Lebih kurang 30 peratus pesakit boleh mengalami komplikasi jangka masa panjang seperti lumpuh muka kekal dan sinkenesis akibat tindak balas saraf tidak normal.

Pendekatan konservatif termasuk urutan muka dan fisio terapi serta rawatan dengan toksin botulinum boleh membantu mengurangkan komplikasi.

"Secara keseluruhan, peluang pulih lebih baik jika rawatan dimulakan dalam masa tiga hari selepas gejala bermula. Apabila rawatan dimulakan dalam masa ini, kebanyakan orang pulih sepenuhnya. Jika rawatan ditangguhkan selama lebih daripada tiga hari, peluang pulih sepenuhnya adalah tipis," katanya yang menjelaskan berbanding dewasa, kanak-kanak lebih berkemungkinan pulih sepenuhnya akibat faktor usia.

Asal usul

» Sindrom ini dinamakan oleh James Ramsay Hunt (1872-1937), seorang pakar saraf Amerika. Beliau mendokumentasikan penemuan klinikal kelumpuhan muka dan ruam. Beliau menjelaskan tanda-tanda lain yang boleh berlaku seperti telinga berdesing (*tinnitus*), kehilangan pendengaran dan terasa seperti berputing (*vertigo*).

Punca RHS

» Virus *varicella-zoster* yang menyebabkan sindrom Ramsay Hunt adalah virus yang sama yang menyebabkan cacar air dan kayap. Virus itu dipercayai menjangkiti saraf muka berhampiran telinga dalam yang menyebabkan kerengsaan dan pembengkakan saraf.

Gejala

- » Sakit telinga yang teruk.
- » Ruam yang menyakitkan pada gegendang telinga, saluran telinga, cuping telinga, lidah dan bumbung mulut di sebelah saraf yang terjejas.
- » Kehilangan pendengaran di salah satu telinga.
- » Sensasi benda berputar (*vertigo*).
- » Kelemahan pada sebelah muka yang menyebabkan kesukaran menutup sebelah mata, makan (makanan jatuh dari sudut mulut yang lemah), membuat ekspresi dan membuat pergerakan halus muka serta muka terkulai dan lumpuh pada satu sisi.

Mengesan RHS

- » Ujian darah untuk virus *varicella-zoster*.
- » Elektromiografi (EMG).
- » Tusukan lumbar (dalam kes yang jarang berlaku).
- » MRI kepala.
- » Pengaliran saraf (untuk menentukan jumlah kerosakan pada saraf muka).
- » Ujian kulit untuk virus *varicella-zoster*.

Selain ubat-ubatan, empat kaedah terapi atau senaman muka boleh membantu menyembuhkan pesakit.

1. Yoga muka

» Mengaktifkan semula saraf muka dengan meregangkan, mencubit dan mengurut untuk merangsang otot, kulit dan melancarkan peredaran darah. Urut pada kening, bibir, hidung, mata, leher dan dagu.

2. Latihan pernafasan

» Latihan pernafasan membantu menenangkan saraf dan membolehkan kedua-dua lubang hidung berfungsi dengan lebih baik.

3. Rangsangan elektrik elektronik topikal

» Rangsangan elektrik digunakan untuk merawat kelemahan muka dan meningkatkan pergerakan muka.

4. Senaman wajah

» Mengunyah gula-gula getah, meniup belon dan menyebut vokal AEIOU dengan kuat sekurang-kurangnya lima kali, dua kali sehari.



TIPS elak RHS

SAMA seperti kayap RHS berpotensi untuk berulang walaupun jarang berlaku kerana virus itu masih terdapat dalam saraf dan boleh diaktifkan pada masa hadapan.

Dr. Tengku Ezulia berkata, vaksin *varicella* boleh mengurangkan kemungkinan mendapat *chickenpox* iaitu punca virus *varicella zoster* masuk ke saraf dan boleh diaktifkan di masa hadapan. Bagaimanapun, sekiranya seseorang itu pernah mendapat cacar air, orang itu berpotensi mengalami pengaktifan semula virus dan dengan itu boleh menghidap salah satu penyakit iaitu kayap dan RHS.

"Sekiranya pesakit mendapat kayap dan atau RHS, pesakit tersebut disyorkan mendapatkan rawatan awal untuk meningkatkan peluang

sembuh sepenuhnya dan mengelakkan komplikasi jangka masa panjang," katanya.

Selain kelumpuhan muka, pesakit RHS boleh mengalami perubahan rasa dan kerosakan pada mata yang menyebabkan kehilangan penglihatan.

Saraf yang tumbuh semula ke struktur yang salah dan menyebabkan tindak balas yang tidak normal terhadap pergerakan, sebagai contoh, senyum menyebabkan mata terpejam, kekejangan otot muka atau kelopak mata.

Pesakit boleh mengalami kesakitan yang berterusan.

Kadangkala virus boleh merebak ke saraf lain, malah ke otak dan saraf tunjang. Keadaan ini boleh menyebabkan pesakit mengalami kekeliruan, mengantuk, sakit kepala, lemah anggota badan dan sakit saraf.

SINDROM RAMSAY HUNT

Perubahan dalam pendengaran.



Berpunca dari *varicella zoster* (Virus samam untuk *Chiken Pox*).

Vertigo.

Ruam dalam telinga.

Sakit telinga dan muka.

Lumpuh sebahagian muka.

Hilang deria rasa di bahagian 2/3 lidah.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS/NATION

NEXT FEW MONTHS

VIROLOGIST: BIG SPIKE IN CASES UNLIKELY DURING NEW WAVE

High vax rates offer some protection but S.O.P. still vital, says expert

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

MALAYSIA will not likely see an exponential spike in daily Covid-19 cases despite the possibility of a new wave of infections in the next few months, said a virologist.

Universiti Sains Malaysia's Dr Kumitaa Theva Das said what set Malaysia apart from other countries facing the new wave of infections were high vaccination and booster rates.

"Our vaccination and booster rates are one of the highest in the world, so they provide a certain amount of protection, at least against severity of re-infections."

"We also retain our indoor mask-wearing mandate and people are still wearing them outdoors."

"These practices go a long way in keeping us safe," she told the *New Straits Times*.

She said it was likely that the number of daily cases in the new wave would not be as high as during the peaks of Delta and Omicron, which logged up to 25,000 cases a day.

On Tuesday, Health Minister Khairy Jamaluddin urged people to brace for a possible new wave in the next months.

He said the new wave could happen based on the virus epidemiology development in other countries.

Kumitaa, a geneticist with



A Universiti Sains Malaysia virologist is urging people wear face masks at all times to curb the Covid-19 chain of transmission. PIC BY GENES GULITAH

USM's Infectomics Cluster, Advanced Medical and Dental Institute, said there had been a four per cent increase in deaths globally.

"So it does suggest that variants BA.4, BA.5 and BA.2.12.1, which recently emerged, may be contributing to what we are seeing now."

She said Macau, which reported its last outbreak in October and went for months without any large-scale quarantine, was facing a huge spike in cases.

In the United Kingdom, she said, a 40 per cent increase in cases was recorded across all age groups.

"With this wave, it does seem

like no country is spared, despite having a large number of people previously infected."

"If, however, control measures are put in place, even minor measures, such as implementing work from home when possible, could slow down or stop the chain of transmission."

She said with Malaysia's daily cases plateauing at 2,000, the trend should be interpreted with caution as there had been a lower overall number of tests performed, resulting in a lower number of cases detected.

Those who tested positive from RTK (self-test kits) might not have reported their results through MySejahtera or to the

Health Ministry, she added.

"Actual numbers may be several times higher."

"BA.5 and BA.2.12.1 variants were detected in our country only recently."

"These variants caused a spike in cases in the United States and new waves globally."

"What is worrying about these variants is that people who were infected with Delta or even earlier versions of Omicron can be re-infected with these new variants."

"It does appear to be more transmissible, but in part, this may also be due to waning immunity."

"Research also suggests that



Dr Kumitaa Theva Das

being vaccinated may not be able to provide sufficient protection, but it will protect against serious diseases.

"As these are sub-variants of Omicron, the effect may be more similar to the earlier versions of Omicron."

She advised Malaysians to continue maintaining good health practices, including frequent washing of hands, avoiding large gatherings, ensuring a covered place is well-ventilated and wearing face masks at all times.

She said the decreasing trend of cases had also created a false sense of security.

"We cannot let our guard down now. Coupled with the increase in flu cases recently, some people mistook Covid-19 symptoms for flu and did not get tested."

"However, getting tested as soon as possible is still one of our best measures against Covid-19."

"The sooner we test, the sooner we can isolate and prevent others from getting infected, especially our loved ones."

She said with the reopening of economic sectors, physical distancing seemed to be taking a back seat and hand sanitiser was hardly seen on premises anymore.

"The waning immunity coverage (after vaccination) can still put people at risk of re-infection, together with the emergence of new variants."

"We need to be vigilant to keep ourselves and our loved ones safe, particularly those yet to be vaccinated and in high-risk categories, including the elderly."

She said the European Centre of Disease and Control recently assessed that a second mRNA Covid-19 booster dose was beneficial in providing coverage against re-infection to those 80 and above.

1,921 cases, two deaths logged on Tuesday

KUALA LUMPUR: A total of 1,921 Covid-19 cases were recorded on Tuesday, with the majority of them in Selangor, Kuala Lumpur and Penang.

The Health Ministry's data on Github showed that Selangor recorded the highest number of cases with 714, Kuala Lumpur

with 521 and Penang with 125.

The fresh infections raised the total to 4,544,626.

Tuesday's figures were made up of 1,807 local cases.

Meanwhile, the ministry's CovidNow portal showed an additional 203 active cases, raising the total to 26,155.

A total of 25,059 cases were home quarantined, 1,052 were hospitalised and 15 were placed at quarantine and low risk treatment centres.

There were 451 hospital admissions. Two deaths were recorded. The death toll stood at 35,737.

Meanwhile, 49 per cent, or

1,737,987 of children aged 5 to 11, have received the first dose of the Covid-19 vaccine. Another 36.6 per cent, or 1,299,348, had been fully inoculated.

As for adolescents aged 12 to 17, 96.5 per cent, or 3,001,413, had received their first shot, while 93.6 per cent, or 2,911,081, were

fully immunised.

As for adults aged 18 and above, 99 per cent, or 23,282,208, had had one shot of the vaccine.

Those with two doses amounted to 97.8 per cent, or 23,004,677, while 68.6 per cent, or 16,129,557, had received their booster doses.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Health dept probes stillbirth incident at Sabah hospital

KOTA KINABALU: The Sabah Health Department (SHD) is investigating a stillbirth incident at the Women and Children's Hospital in Likas on Sunday.

State health director Datuk Dr Rose Nani Mudin said the investigation will be conducted thoroughly and transparently.

She said the mother was in stable condition and was currently being given treatment and counselling by professionals at the hospital.

"First of all, SHD would like to express its deepest condolences to the family.

"SHD views this incident seriously and is conducting an investigation into all the feedback received for the purpose of improving the quality of our services," she said.

On Tuesday, a woman, believed to be a family member of the mother, uploaded a post on a social media site, demanding an investigation be initiated into the incident to find out whether there were any elements of negligence by any parties at the hospital.

- Bernama

ILLEGAL ACT ... A Terengganu Health Department officer showing items seized during an operation at a food court in Kuala Terengganu yesterday to ensure compliance to the no smoking rule at eateries.

- BERNAMAPIX

